INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Behrang, 35950 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
www.instun.gov.my

SEMINAR :

SEMINAR PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN TANAH UNTUK PEGAWAI DAERAH / PENTADBIR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA
15 – 16 DISEMBER 2003

TAJUK :

KEPENTINGAN AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 SEBAGAI MEKANISMA PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

OLEH :

PUAN ALINAH BINTI AHMAD
TIMBALAN PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Sumber : www.instun.gov.my

KEPENTINGAN AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 SEBAGAI MEKANISMA PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA

1. TUJUAN KERTAS

Kertas ini dibentangkan untuk membincangkan kepentingan Akta Pengambilan Tanah 1960 dalam pelaksanaan pembangunan negara.

2. PENDAHULUAN

2.1 Tanah merupakan sumber terpenting dalam mempergiatkan pelaksanaan pembangunan negara kita. Segala bentuk pembangunan samada pembangunan sosio ekonomi ataupun pembangunan fizikal memerlukan tanah sebagai aset utama. Contohnya tanah-tanah pertanian dan industri yang digunakan secara optimum, efisien dan berkesan telah dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Melalui perancangan pelan pembangunan yang strategik dan bersifat globalisasi secara tidak langsung telah mewujudkan pelbagai rangkaian peluang pekerjaan kepada masyarakat negara kita dan faktor ini turut membantu meningkatkan taraf ekonomi dan kedudukan kewangan penduduk negara yang sekali gus menepati keperluan kebajikan dan sosial mereka. Selain daripada itu keperluan-keperluan lain juga amat diperlukan oleh penduduk negara ini bagi peningkatan kualiti hidup

Sumber : www.instun.gov.my

seperti keperluan perumahan. Namun demikian, pembinaan rumah-rumah sahaja tidak mencukupi

kerana secara tidak langsung ia turut menuntut keperluan kawasan lapang, lain-lain kemudahan awam seperti sekolah, hospital dan lain-lain keperluan kemasyarakatan. Dalam kerancakan aktiviti sektor perumahan, keperluan turut difokuskan kepada pembangunan infrastruktur tertentu yang merupakan sebahagian daripada agenda pembangunan seperti pembinaan jalan raya dan lebuhraya-lebuhraya.

2.2 Dalam memenuhi keperluan semasa masyarakat negara pada hari ini, kita memerlukan tanah-tanah yang sesuai dan bersifat dinamik untuk dibangunkan. Bagaimanapun yang menjadi masalah atau ***'stumbling block'*** kepada pembangunan ini adalah untuk memperolehi tanah-tanah yang sesuai kerana tanah dianggap sebagai ***'scarce commodity'*** yang tidak boleh ditokok tambah melainkan melalui proses tebusguna tanah. Walaubagaimanapun keluasan yang boleh ditebusguna juga adalah terhad dan tertakluk kepada Akta Pelantar Benua 1966 Semakan 1972 *(Continental Shelf Act 1966 Revised 1972).* Sekiranya sesuatu pembangunan hendak dilaksanakan secara berterusan, tanah-tanah yang sesuai ini perlu diperolehi. Bagaimanakah caranya untuk kita memperolehi tanah-tanah yang memenuhi kriteria tersebut? Mengikut Perlembagaan Persekutuan kita memerlukan satu undang-undang khusus yang mampu mengimbangi hak

Sumber : www.instun.gov.my

pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu proses pembangunan hartanah iaitu undang-undang yang dapat memberi keadilan kepada pemilik-pemilik tanah yang akan terjejas jika tanah mereka diambil untuk tujuan pembangunan. Dalam memenuhi kehendak pembangunan, kepentingan awam perlu mengatasi keperluan persendirian. Dengan itu adalah perlu untuk kita meneliti secara terperinci perundangan yang diperuntukkan untuk pelaksanaan sesuatu pembangunan yang diperlukan.

3. PELAKSANAAN PERUNDANGAN UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA

3.1 Undang-undang berkaitan dengan pengambilan tanah oleh Kerajaan telah digubal di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini menyebut :

(1) "No person shall be deprived of property save in accordance with the law"

(2) "No law shall provide for the compulsory acquisition or use of property without adequate compensation."

Apa yang boleh dimaksudkan di sini ialah perkara 13 Perlembagaan Persekutuan ***"is a protective assurance against deprivation of property. Persons can be deprived of their property but not whimsically or capriciously by any authority. Anyone can be***

Sumber : www.instun.gov.my

deprived of his property only in accordance with law." Mengikut Hakim Yeop Sani dalam kes S. Kulaisingam & Anor v. Commissioner of Lands, Federal Territory & Ors. mengatakan bahawa:

"Article 13(1) in my opinion ensures the sanctity of private property. That clause guarantees the right of any person not to be deprived of his property save in accordance with law simply means that no one can be deprived of his property merely on the orders of the Executive but that he may be deprived of his property only 'in accordance with law'. Thus, Article 13 itself clearly sanctions compulsory acquisition by making it an exception to the fundamental right to property but the inviolable assurance is that no such law can provide for compulsory acquisition or use of the property without 'adequate compensation'."

3.2 Akta yang diwujudkan menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan ini adalah Akta Pengambilan Tanah 1960. Dalam meneliti akta ini, berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan, ***'the act does not enable the authorities concerned to acquire the lands indiscriminately or without any purpose. The land are acquired, broadly speaking, only for public purposes or the other specified purposes which justify the making of inroads into what otherwise is an inviolable right of a person to hold property'.*** Dalam hal ini, Hakim Yeop Sani juga dalam kes S. Kulaisingam & Anor v. Commissioner of Lands, Federal Territory & Ors., menyebut :

Sumber : www.instun.gov.my

" A justification for the inroads and the rationale in clause (2) is to be found in the doctrine of salus populi suprema lex – the interests of the public are paramount, and that private interests may in some circumstances be subordinated to the higher interests of the public, when the State thinks it is proper to do so."

Dalam kes di India, State of Bihar v. Kameshwar Singh, Supreme Court of India menyatakan ***'the exercise of such power (power of compulsory acquisition of private property by the State) has been recognized in the jurisprudence of all civilized countries as conditioned by public necessity and payment of compensation.'***

Sekali lagi dalam kes Charanjit Lal v. Union of India, Supreme Court of India menunjukkan bahawa ***"it is a right inherent in every sovereign to take and appropriate private property belonging to individual citizens for public use. This right, which is described as eminent domain, in American law, is like the power of taxation, an offspring of political necessity and it is supposed to be based upon an implied reservation by Government that property acquired by its citizens under its protection may be taken or its use controlled for public benefit irrespective of the wishes of the owner."***

3.3. Undang-undang pengambilan tanah telah memberi penekanan kepada pengambilan tanah untuk tujuan awam

Sumber : www.instun.gov.my

(public purpose). Melihat kepada seksyen 3(1), ***the State Authority may acquire any land which is needed –***

(a) for any public purpose;

(b) by any person or corporation for any purpose which in the opinion of the State Authority is beneficial to the economic development of Malaysia or any part thereof or to the public generally or any class of the public; or

(c) for the purpose of mining or for residential, agricultural, commercial, industrial or recreational purposes or any combination of such purposes.

3.3 Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 3 (1) ini tujuan awam ***(public purpose)*** adalah merupakan satu perkataan yang umum dan tidak diberi definasi di bawah Akta. Bagi membolehkan adanya pembangunan yang meluas dan pesat, ia adalah menjadi hak mutlak Pihak Berkuasa Negeri untuk menentukan***, 'perhaps based on subjective opinion'*** apa yang dimaksudkan dengan tujuan awam atau lain-lain tujuan bagi sesuatu tanah yang diambil.. Dengan lain perkataan, ***'government is the sole authority to decide what is, or, what is not, a public purpose, and the decision by Government in this respect cannot be questioned by a Civil Court*** (Rujuk kepada keputusan Yew Lean Finance Development (M) Sdn Berhad v. Director of Lands & Mines, Penang (1977) 2 MLJ 45.

Berdasarkan kepada beberapa kes yang diputuskan dapat dilihat tanah-tanah yang telah diambil adalah bagi

Sumber : www.instun.gov.my

tujuan yang pelbagai dan merangkumi skop yang luas mengenai tujuan awam atau gabungan tujuan berlainan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3 (1) (a) hingga (c). Dari kes-kes yang ada belum ada pihak mahkamah yang membuat keputusan ke atas tanah yang diambil sebagai bukan untuk tujuan awam.

3.4 Bagi membolehkan kita melihat dengan lebih jelas ruang lingkup yang luas mengenai tujuan awam yang mana pihak Berkuasa Negeri boleh melaksanakan pengambilan tanah mengikut peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 dalam menjadi pemangkin kepada pembangunan negara, adalah lebih mudah jika proses pengambilan ini dipecahkan kepada beberapa kategori tertentu berdasarkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

(a) Pendidikan

Tanah yang diambil bagi kegunaan pendidikan dan yang berkaitan dengannya. Contoh:

(i) University Malaya – Nanyang Manufacturing Co. v. The Collector of Land Revenue, Johore (1954) MLJ 69.

(ii) Untuk tujuan bangunan sekolah – Ng Bee & Anor v. Collector of Land Revenue Kuala Pilah (1972) 1 MLJ 269;

Sumber : www.instun.gov.my

(iii) Setiausaha Kementerian Pelajaran – Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran v. Collector of Land Revenue Butterworth (1972) 2 MLJ 155.

(b) Pembinaan jalanraya, lebuhraya dan jalan tambak *(causeways)*

Contoh:

(i) Pembaikan jalan – Ee Kim Kin v. Collector of Land Revenue, Alor Gajah (1967) 2 MLJ 89;

(ii) Pembinaan by pass – Nagappa Chettiar & Ors v. Collector of Land Revenue (1971) MLJ 59;

(iii) Jalan Awam – Bertam Consolidated Rubber Co. Ltd v. Pemungut Hasil Tanah, Seberang Perai Utara, Butterworth (1989) 2 MLJ 178;

(iv) Pembinaan Lebuhraya – Chung Khiaw Bank Ltd v. The Government of the State of Sabah & Ors. (1994) 2 MLJ 193;

(v) Projek Lebuhraya – Tengah Estates Sdn Bhd., v. Pentadbir Tanah Daerah Kelang (1996) 4 MLJ 431;

(vi) Second Malaysia – *Singapore causeway project* dan pembangunan kawasan sekelilingnya – United Malacca Rubber

Sumber : www.instun.gov.my

Estates Bhd v. Pentadbir Tanah Daerah Johor Bahru & Anor (1997) 4 MLJ 1;

(vii) *Expressway* – Ling Beng Hui v Tengku Shahrant bin Tengku Badar Shah & Ors. (1998) 3 MLJ 183

(c) Pembinaan Hospital

Tanah juga diambil bagi tujuan pembinaan hospital.

Contoh:

(i) Superintendent of Lands & Surveys, Fifth Div, Limbang v. Lim Teck Hoo & Anor (1980) 1 MLJ 58; Hajjah Halimah binte Hussain & Anor v. Collector of Land Revenue, Kuantan (1981) 2 MLJ 12

(d) Pembangunan Pelabuhan dan kemudahan-kemudahan infrastrukur berkaitan

Terdapat beberapa keadaan dimana tanah diambil bagi tujuan di atas. Contoh:

(i) Pembangunan Pelabuhan Sibu, Sarawak – Suprintendent of Lands and Surveys, Third Division v. Wah Tat Bank Ltd. & Anor, (1971) 1 MLJ 284;

Sumber : www.instun.gov.my

(ii) Pelabuhan, perumahan dan industri – Syed Omar bin Abdul Rahman Taha Alsagoff & Anor v. Government of the State of Johore (1975) 1 MLJ 241;

(iii) Pembinaan '*harbour*', perumahan dan estet perindustrian – Hock Lim Estate Sdn. Bhd v. Collector of Land Revenue Johore Bahru (1980) 1 MLJ 210.

(e) Perumahan, Pembangunan Bandar Bersepadu, perindustrian dan lain-lain tujuan berkaitan.

Contoh tujuan pengambilan:

(i) Pembangunan Bandar Sibu dan lain-lain tujuan meliputi penyediaan rumah kediaman, kawasan lapang dan lain-lain kemudahan berkaitan – Khoo Peng Loong & Ors v. Suprintendent of Lands and Surveys, Third Division (1966) 2 MLJ 156 (Land Code Sarawak Cap 81);

(ii) Pembangunan Perumahan dan Perbandaran – Ahmat bin Gani & Ors v. Suprintendent of Lands and Surveys, First Division (1978) 1 MLJ 253;

(iii) Rumah Kos Rendah – Collector of Land Revenue Kuantan v. Noor Chahaya binte Abdul Majid (1979) 1 MLJ 180;

Sumber : www.instun.gov.my

(iv) Perumahan Kerajaan Negeri Selangor – Chuah Say Hai & Ors v. Collector of Land Revenue, Kuala Lumpur (1967) 2 MLJ 99; Collector of Land Revenue v. Ong Thye Eng (1971) MLJ 43;

(v) Kegunaan awam, industri, perumahan, perniagaan dan pertanian bagi tujuan penempatan setinggan, institusi dan kemudahan rekreasi yang berkaitan dengan pembangunan semula Bandar secara bersepadu – Penang Development Corporation v. Collector of Land Revenue Penang & Anor (1976) 1 MLJ 89;

(vi) Perumahan, industri dan kegunaan awam – Yew Lean Finance Development (M) Sdn Bhd v. Director of Lands and Mines Penang (1977) 2 MLJ 45.

(vii) Pembangunan Bandar Bintulu – Lau Kieng Kong & Ors v. Minister of Resource Planning & Anor (1994) 3 MLJ 443;

(viii) Kawasan Perindustrian Gebeng terletak di Mukim Sg Karang Daerah Kuantan dan pengwujudan Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan – Pemungut Hasil Tanah Kuantan v. Sim Hoe Wood & Sawmill Sdn Bhd & Five Other cases (1985) 1 MLJ 205; Menteri Besar

Sumber : www.instun.gov.my

Negeri Sembilan (Pemerbadanan) v. Pentadbir Tanah Daerah Seremban & Anor (1995) 3 MLJ 710.

(f) Pertahanan

Tanah juga diambil bagi tujuan berikut:

(i) Royal Malaysian Navy Military Base – Lembaga Amanah Sekolah Semangat Malaysia v. Collector of Land Revenue, Dindings (1978) 1 MLJ 34;

(ii) Tactical Headquarters of the Royal Malaysian Air Force – Damansara Jaya Sdn Bhd v. Pemungut Hasil Tanah Petaling (1992) 2 MLJ 660.

(g) Lain-lain tujuan

Sebagai contoh:

(i) Pembangunan Bazar Sarikei – Kho Choon Tee v. Superintendent of Lands & Surveys, Third Division, (1972) 1 MLJ 265;

(ii) Mengubah aliran Sungai Benus yang melalui Kampung Bahru – Collector of Land Revenue v. Looi Lam (1981) MLJ 300;

Sumber : www.instun.gov.my

(iii) Pembesaran Lapangan Terbang Kuching – Datuk Dr. Murugasu Sockalingam & Anor v. Superintendent of Lands & Surveys First Division, Sarawak (1983) 2 MLJ 336;

(iv) Switching station, quarters for police airwing, Klang Expressway, toll gate, Petronas gas pipeline –Pentadbir Tanah Daerah Petaling v. Glenmarie Estate Ltd (1992) 1 MLJ 331.

4. PENGUATKUASAN AKTA UNTUK PEMBANGUNAN

4.1 Selain dari contoh-contoh kes yang disenaraikan di para 3 di atas, di bawah ini diperturunkan juga beberapa kes yang melibatkan projek mega dan projek-projek pembangunan lain yang dilaksanakan di Negeri Selangor.

4.2 Contoh-contoh tersebut adalah seperti berikut:

a) Pembinaan Jalanraya dan Lebuhraya di bawah Seksyen 3 (1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960.

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
1.	Lebuhraya Assam Jawa – Taman Rimba Templer (LATAR)	194	207.8693	RM 67,042,705.37
2.	Lebuhraya Lembah Klang	38	164.9745	RM 58,784.000.00

Sumber : www.instun.gov.my

	Selatan (SKVE)			
3.	Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (Dedicated Highway)	149	103.8173	RM 75,748,954.90

Sumber : www.instun.gov.my

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
4.	Projek Teknologi Maklumat (Cyberjaya)	364	2,827,834.3	RM 1.057,226.149.08
5.	Projek Guthrie Corridor Expressway	319	287.5205	RM 120,570,558.86
6.	Lebuhraya Cheras – Kajang (Grand Saga)	247	124,2977	RM 210,061,000.00
7.	Projek Penswastaan Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru (Lebuhraya Shapadu)	119	107.430374	RM 144,896.012.26
8.	Projek Besraya Lebuhraya Sungai Besi	34	39.6585	RM 47,458,401.65
9.	Lebuhraya SILK	419	217.9700	RM 261,475,533.66
10.	Lebuhraya Kajang – Seremban (KASEH)	188	200.592	Tiada Maklumat
11.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	90	193.428	Tiada Maklumat
12.	Lebuhraya NSL (ELITE)	199	15,897.7220	RM 41,155,629.79
13.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	94	13.2203	RM 3,591,089.82
14.	Lebuhraya KL - Karak	65	36.6039	RM 12,494,066.01

Sumber : www.instun.gov.my

b) Pembinaan Lapangan Terbang di bawah Seksyen 3 (1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960.

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
1.	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang	853	5253.1919	RM 491,805.61

(c) Perumahan, Pembangunan Bandar Bersepadu, perindustrian dan lain-lain tujuan berkaitan di bawah Seksyen 3 (1) (a).

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
1.	Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajya	473	4389.9112	RM 694,251,155.00

Sumber : www.instun.gov.my

(d) Pendidikan

Tanah yang diambil bagi kegunaan pendidikan dan yang berkaitan dengannya di bawah Seksyen 3 (1) (b) Akta Pengambilan Tanah 1960.

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
1.	Cadangan Pembinaan Tapak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chuen Min Batu 2, Telok Pulai.	1	1.416	RM 1,486,800.00

(e) Lain-lain tujuan di bawah Seksyen 3 (1) (b) Akta Pengambilan 1960. Sebagai contoh :

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
1.	Jalan keluar masuk ke tapak pembangunan oleh Tetuan Naraja Sdn. Bhd di Mukim Cheras. (Melibatkan tanah rizab Melayu)	9	3.640	RM 5,698.000.00

Sumber : www.instun.gov.my

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
2.	Jalan utama keluar masuk ke tapak projek pembangunan oleh Tetuan Wan Bumi Jaya Sdn. Bhd. di Mukim Semenyih.	5	4.498	RM 3,000.000.00
3.	Jalan awam keluar masuk ke tapak projek perumahan dari Jalan Semenyih ke Kajang oleh Eng Soo Min.	1	0.0395	RM 60,000.00
4.	Menghubungi jalan selebar 132 kaki dari Jalan Kajang Semenyih ke tapak pembangunan lot PT 4028 dan PT 4029 oleh Tetuan Sunway Height Sdn. Bhd.	5	0.554	RM 143,145.20
5.	Jalan masuk ke tapak cadangan perumahan di atas Lot 1593 melalui lot 1595 Muki Kajang oleh Tetuan Rentas Varia Sdn. Bhd. (Pengambilan melibatkan tanah rizab Melayu)	1	0.0282	RM 32,972.94
6.	Jalan keluar masuk je tapak cadangan perumahan di atas lot 1636 melalui Lot 1635 Mukim Kajang oleh Tetuan Rentas Varia Sdn. Bhd. (Pengambilan melibatkan tanah rizab Melayu)	1	0.0246	RM 25,000.00

Sumber : www.instun.gov.my

BIL	PROJEK	JUMLAH LOT	KELUASAN (HEKTAR)	JUMLAH PAMPASAN
7.	Jalan utama keluar masuk ke tempat pemunggahan barang (unloading bay) milik Tetuan Hai San Holding Sdn. Bhd.	2	0.3533	RM 547,615.00
8.	Penempatan semula setinggan dan lain-lain pembangunan di Mukim Hulu Kelang oleh Pemodalan Negeri Selangor Berhad.	52	4.5163	RM 220.00 – RM 230.00 s.m.p

5. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENGUATKUASAAN AKTA UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN PEMBANGUNAN

5.1 Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Tun Suffian ***"People are sentimentally attached to their lands and we are of course sorry for the applicants, but we regret that the law is clearly on the side of Government".*** Arulanandom J, dalam Yew Lean Finance Development (M) Sdn. Bhd v. Director of Lands and Mines Penang menyatakan ***"it may be that these acquisitions mean individual hardship is caused to individuals but in considering these matters one must realize that individual issues cannot outweigh demand for public benefit."*** Isu yang ingin diketengahkan di sini bukan sahaja mengenai samada

Sumber : www.instun.gov.my

jumlah pampasan yang diberikan adalah mencukupi atau tidak tetapi turut mengambilkira samada wang pampasan yang dibayar itu membolehkan pemilik tanah tersebut membina semula sebuah rumah seumpama yang pernah didudukinya. Selain dari itu pemilik tanah bukan sahaja terpaksa keluar dari rumah kediamannya tetapi turut menimbulkan kesan yang lebih besar yang mana ini bermakna mereka juga tepaksa keluar dari jaringan sosial sediada. Isu ***'displacement'*** ini bukan sahaja melibatkan aspek fizikal tetapi turut memberi kesan sosial dan mental**. *'Total loss value of property'*** bermaksud bukan hanya setakat kehilangan fizikal yang ditanggung tetapi kehilangan ***'goodwill'*** juga merupakan kehilangan yang diperlu diberi pertimbangan. Dalam lain perkataan aspek fizikal dan ***'social well being'*** perlu diberi perhatian sebelum sesuatu projek dilaksanakan yang mana ***'cost benefit analysis'*** (CBA) perlu dibuat secara menyeluruh terlebih dahulu dan tidak hanya tertumpu kepada keuntungan kewangan semata tetapi turut mengambilkira kebajikan dan kesejahteraan manusia.

5.2 Satu lagi isu yang amat ketara dalam melaksanakan undang-undang ini ialah isu pengambilan yang melibatkan tanah-tanah rezab melayu yang jarang atau sukar diganti juga perlu difokuskan. Satu kaedah yang komprehensif perlu difikirkan bagi memastikan tanah rezab melayu yang diambil digantikan dengan nilai hartanah yang diambil bagi membolehkan kerajaan mengganti tanah yang bernilai setimpal dengan tanah

Sumber : www.instun.gov.my

rezab melayu yang telah diambil dan seterusnya diisytihar kembali sebagai Tanah Rizab Melayu.

5.3 Dalam pelaksanaan akta ini adalah diperhatikan bahawa tempoh pengambilan adalah terlalu lama. Sekiranya tidak ditangani turut mendatangkan kesan kepada pembangunan negara. Perkara ini mengakibatkan pemilik tanah tidak dapat membuat perancangan masa hadapan ke atas tanah mereka dan meletakkan mereka dalam situasi serba salah dan tidak menentu. Sehubungan itu juga satu mekanisma perlu dikenalpasti bagi mempercepatkan proses keputusan pengambilan tanah tanpa mengkompromi terhadap aspek keadilan kepada pemilik tanah.

6. PENUTUP

Dari contoh-contoh kes pengambilan yang dibawa ke mahkamah seperti disenaraikan di para 3 dan khusus untuk Negeri Selangor di para 4 di atas kita tidak dapat menafikan bahawa Akta Pengambilan Tanah 1960 telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Tanpa akta tersebut negara ini akan kekal mundur kerana sebarang pembangunan tidak dapat dilaksanakan jika ianya melibatkan tanah hakmilik perseorangan. Pembangunan fizikal negara telah mencapai ke tahap yang setanding dengan negara-negara maju lain dan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang digubal merupakan mekanisma ke arah pemangkin pembangunan tersebut dan memenuhi Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

Sumber : www.instun.gov.my